PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Mengapa perlu majlis graduasi sekolah di hotel?



PENGANJURAN majlis graduasi di hotel membawa beban kewangan yang besar kepada sebahagian ibu bapa pelajar. – GAMBAR HIASAN

- Oleh Meja Rencana
- 18 Mac 2024, 9:00 am

SAUDARA PENGARANG,

TREND yang semakin menjadi kebiasaan di kalangan sekolah-sekolah terkemuka ialah penganjuran majlis graduasi di hotel mewah. Ia menimbulkan beberapa isu penting yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak sekolah, ibu bapa, pelajar yang kurang berkemampuan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah.

Penganjuran majlis graduasi di hotel mewah membawa beban kewangan yang besar kepada ibu bapa pelajar. Biaya penyewaan ruang, penyediaan makanan, dan pembelian pakaian seragam graduasi di hotel mewah jauh lebih tinggi berbanding jika majlis tersebut diadakan di sekolah. Ini boleh menimbulkan tekanan kewangan kepada keluarga, terutama yang berada dalam kelas ekonomi menengah ke bawah.

Ibu bapa terpaksa membayar antara RM150 hingga RM200 bagi membolehkan anak-anak mereka menghadiri majlis graduasi di hotel mewah merupakan satu realiti yang tidak dapat dielakkan. Bagi keluarga yang berkemampuan terhad, jumlah tersebut boleh memberi kesan yang signifikan kepada kestabilan kewangan mereka. Ini bukan sahaja

menimbulkan tekanan tambahan kepada ibu bapa, tetapi juga memberi impak kepada kualiti hidup sehari-hari keluarga.

Pelajar yang kurang berkemampuan juga terkesan dengan isu ini. Kehadiran di majlis graduasi di hotel mewah boleh menjadi pengalaman yang memalukan jika mereka tidak mampu membeli pakaian seragam atau menyumbang secara kewangan. Ini boleh menjejaskan kepercayaan diri dan menghalang mereka merasa bahagia dan berjaya dalam majlis tersebut.

Sekolah yang mewajibkan ibu bapa membayar yuran tambahan sekitar RM150 untuk menemani anak-anak mereka juga mempersulit keadaan. Ini menimbulkan soalan tentang sejauh mana sekolah boleh membebankan kos tambahan kepada ibu bapa, terutamanya dalam konteks kewangan yang sudah terbatas.

Keperluan untuk membayar jumlah tambahan bagi majlis graduasi di hotel mewah boleh menjadi satu beban yang tidak diingini. Sekolah-sekolah harus lebih peka terhadap keperluan kewangan ibu bapa dan mencari alternatif yang lebih berkesan dan inklusif untuk meraikan pencapaian pelajar.

PIBG juga terlibat dalam isu ini. Mereka perlu mengumpul dana untuk membiayai majlis graduasi di hotel mewah. Ini mungkin menyebabkan pengorbanan dalam program-program lain yang penting untuk pembangunan pendidikan dan kesejahteraan sekolah secara keseluruhan. Ini menimbulkan soalan tentang keutamaan penggunaan dana sekolah dan tanggungjawab sosial PIBG dalam pengurusan sumber.

Kebanyakan sekolah yang menganjurkan majlis graduasi di hotel mewah terletak di kawasan bandar. Ini menimbulkan persoalan tentang motif di sebalik pilihan lokasi tersebut. Adakah sekolah-sekolah ini lebih memperhatikan imej dan status daripada keperluan sebenar pelajar dan komuniti sekolah?

Perbincangan terbuka dan jujur dalam kalangan pihak-pihak yang berkepentingan diperlukan untuk memastikan setiap keputusan yang diambil mengutamakan kepentingan sebenar pelajar dan masyarakat pendidikan Malaysia.

Isu penganjuran majlis graduasi di hotel mewah tidak hanya berkaitan dengan aspek kewangan semata-mata. Ia juga membuka ruang untuk perbincangan tentang nilai-nilai pendidikan yang seharusnya dipertahankan oleh sekolah, termasuk keadilan sosial, dan keberkesanan penggunaan sumber.
Dalam memperjuangkan pengalaman yang bermakna bagi pelajar, penting untuk tidak melupakan tanggungjawab untuk memastikan kesaksamaan akses kepada pelbagai aktiviti dan acara di sekolah. – UTUSAN

MUHAMMAD HAFIZI ZAMRI
Pensyarah Kanan (Pengurusan Majlis) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam